

13 MAR 2000

Umno-Pencalonan (Terkini)

PENJUMLAHAN PENCALONAN UMNO SETAKAT 13 MAC

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Sebanyak 48 bahagian daripada 165 bahagian Umno di seluruh negara telah mengadakan persidangan perwakilan masing-masing sehingga semalam.

Daripada jumlah itu, 47 bahagian mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing untuk jawatan presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian Tanah Merah pula setakat ini adalah satu-satunya bahagian Umno yang mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan presiden dan timbalan presiden, walaupun Majlis Tertinggi menasihati semua bahagian supaya tidak mempertandingkan kedua-dua jawatan itu.

Dr Mahathir memerlukan tiga lagi pencalonan bagi melayakkan beliau untuk bertanding jawatan itu manakala Abdullah sudahpun melepasi garisan kelayakan berkenaan. Calon timbalan presiden memerlukan 33 pencalonan.

Bagi pertandingan jawatan naib presiden, seramai 11 orang dicalonkan setakat ini dan yang terbaru menyertainya ialah Menteri Besar Perak, Datuk Tajol Rosli Ghazali, yang memperolehi dua pencalonan setakat semalam.

Penyandang jawatan itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak masih menjadi calon pilihan bahagian-bahagian apabila memperolehi sebanyak 45 pencalonan setakat ini. Bahagian yang tidak mencalonkan beliau ialah Tawau, Ampang dan Kota Belud.

Pencalonan kedua terbanyak bagi jawatan itu ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman yang mendapat 29 pencalonan diikuti Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar (16), Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam (12), Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar (11), Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Samad (10), penyandang jawatan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib (8), Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Rais Yatim (5), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin (3) dan Tengku Razaleigh Hamzah (2).

Najib dan Abdul Ghani sudahpun melayakkan diri untuk bertanding jawatan itu kerana mereka melepasi syarat kelayakan yang memerlukan 17 pencalonan.

Abdul Ghani, Abu Hassan dan Osu memperolehi pencalonan penuh daripada bahagian-bahagian yang sudah mengadakan mesyuarat di negeri masing-masing setakat ini.

Bagi Mohd Isa, daripada dua bahagian yang sudah mengadakan mesyuaratnya setakat ini, hanya Rasah yang memberikan pencalonan kepada beliau manakala Seremban memberikan pencalonan kepada Rais, Najib dan Abdul Ghani.

Bagi pertandingan Pergerakan Wanita Umno, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz mendapat satu lagi pencalonan daripada Sabah menerusi pergerakan wanita Libaran yang mengadakan mesyuarat perwakilannya hari ini.

Dengan itu, beliau mendapat 46 pencalonan berbanding penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mendapat 28 pencalonan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula menambah satu lagi pencalonan menerusi pergerakan wanita Libaran. Beliau kini mendapat 47 pencalonan berbanding penyandang Datuk Napsiah Omar yang hanya mendapat lapan pencalonan dan Ketua Wanita Perak Ainon Khariyah Mohd Abas memperolehi 22 pencalonan.

Bagi Pergerakan Pemuda pula, pemangku ketua Datuk Hishammuddin Hussein mendapat 75 pencalonan manakala pencabarnya Raja Munir Raja Mustapa satu

pencalonan.

Calon-calon yang bertanding bagi jawatan naib ketua ialah Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir yang mendapat 59 pencalonan manakala Zein Isma Ismail 14 pencalonan, Mustapha Khalid (4) dan Zahidi Zainul Abidin (1).

--BERNAMA

ARA NAK